



# Buletin

Syawal 1445/ April 2024

# ACIS

## Kesinambungan Amal Diteruskan dalam bulan Syawal

eISSN 2600-8289



9 772 600 628 001

# Kesinambungan Amal Diteruskan dalam *Bulan Syawal*

Oleh:

**Dr Mohd Kamel bin Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Setiap makhluk Allah SWT pasti ada perbezaan di antara satu sama lain sama ada dari sudut asal penciptaannya, fizikal mahupun kelebihan darjatnya di sisi Allah SWT. Di kalangan manusia sendiri, ada yang diangkat martabatnya di sisi Allah sebagai Nabi dan Rasul, ada yang muslim dan kafir, ada yang bertaraf ulama dan para wali, tidak kurang juga yang dianggap sebagai orang awam sahaja.

Allah SWT turut memberi kelebihan kepada bulan-bulan tertentu berbanding bulan yang lain untuk dimanfaatkan oleh manusia dalam usaha mempertingkatkan amalan kepada Allah SWT. Pastinya Ramadan yang baru berlalu meninggalkan nostalgia manis dengan pelbagai fadilat yang hanya terdapat dalam bulan tersebut sahaja dan tidak terdapat pada sebelas bulan yang lain.

Sesungguhnya bilangan bulan di sisi Allah SWT ada dua belas seperti yang difirmankanNya dalam al-Quran yang bermaksud *"bahawa sesungguhnya bilangan-bilangan bulan di sisi Allah itu dua belas bulan yang telah ditetapkan di dalam Kitab Allah (Luh Mahfuz) semenjak hari diciptakan langit dan bumi lagi. Sebahagian daripadanya ialah empat bulan haram (berperang padanya)"* (Surah al-Taubah ayat 36).

Empat bulan yang diharamkan berperang ialah Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab. Hal ini menjadi satu dasar kepada masyarakat Arab sejak zaman jahiliah untuk tidak menumpahkan darah demi menjaga kesucian bulan tersebut bagi tujuan untuk mendisiplinkan bangsa Arab yang suka berperang di antara satu sama lain.

Dalam satu hadith, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud *"sesungguhnya zaman itu berputar sebagaimana bentuknya semula di waktu Allah menciptakan langit dan bumi. Setahun itu ada dua belas bulan di antaranya terdapat empat bulan yang dihormati, tiga bulan di antaranya berturut-turut Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab, yang terdapat di antara bulan Jumada Thaniah dan Sya'ban"* (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam setiap bulan Islam ada keistimewaan dan berlakunya peristiwa bersejarah seperti dalam bulan Muharam adanya hari Asyura, dalam bulan Rabiul Awwal terkenal dengan bulan kelahiran Nabi Muhammad SAW, dalam bulan Rejab berlakunya peristiwa Isra' dan Mi'raj, Nisfu Syaaban di bulan Syaaban dan amalan menunaikan haji serta hari raya kurban di bulan Zulhijjah.

Begitu juga hari-hari tertentu yang mempunyai fadilat tertentu seperti hari Jumaat yang dianggap sebagai penghulu sekalian hari, di samping kelebihan beramal pada hari Isnin dan Khamis yang disunatkan berpuasa. Sepanjang 24 jam kehidupan sehari semalam juga ada satu detik yang paling afdal beramal dan mengerjakan solat dan ibadah malam iaitu pada saat sepertiga malam.

Semua ini menunjukkan bahawa peluang mengejar kebajikan itu sentiasa terbuka luas setiap waktu dan detik. Walaupun Ramadan telah berakhir, manusia dituntut untuk sentiasa beristiqamah dalam beramal, tanpa menetapkan bulan-bulan tertentu untuk sungguh-sungguh beramal.

Justeru apabila ada manusia yang menyusun jadual beramal kebajikan di bulan Ramadan bermula dengan bangun sahur sehingga ke saat tidur semula, maka di hari-hari lain, rutin itu tidak sepatutnya terhenti. Berakhirnya ibadah puasa yang wajib, perlu diteruskan kesinambungannya dalam bentuk puasa sunat setiap bulan. Nabi SAW sendiri menggalakkan umat Islam berpuasa sunat hari 13, 14 dan 15 bulan-bulan Islam dan puasa sunat hari Isnin dan Khamis.

Solat berjemaah di masjid boleh sahaja dijadikan budaya dan amalan hidup muslim di setiap masa dan keadaan. Asal sahaja menjejaki kaki ke dalam rumah Allah, berniatlah untuk iktikaf, pasti mendatangkan pahala. Masa yang ada di dalam masjid pasti boleh diteruskan dengan amalan berzikir, membaca al-Quran dan bersedekah memasukkan duit ke dalam tabung-tabung apabila hendak keluar daripada masjid.

Maka sangat digalakkan kepada semua umat Islam untuk sentiasa melazimi diri dengan amalan yang berpahala bermula detik bangun dari tidur sehingga ke saat ingin tidur semula. Darjat amalan berpahala itu bergantung kepada beberapa keadaan seperti:

1. keikhlasan seorang mukmin melakukan pekerjaan tersebut dan keelokannya melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupannya. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud *"apabila seseorang kamu memperelokkan keislamannya, maka setiap kebaikan yang dilakukannya akan ditulis sepuluh kebaikan"*



*seumpamanya sehingga ke 700 kali ganda” (Riwayat Muslim).*

**2.** Hajat dan keperluan amalan itu dilakukan dan kelebihan amalan itu sendiri seperti sedekah, jihad di jalan Allah, menunaikan haji, membantu kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin.

Tuntutan bersegera dalam membuat kebajikan memang sangat digalakkan, antaranya ialah firman Allah SWT yang bermaksud *“dan bersegeralah kamu kepada keampunan dari Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang bertakwa”* (Surah Ali Imran ayat 133).

Dalam satu hadith daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda maksudnya *“bersegeralah dalam beramal soleh, akan berlaku nanti fitnah sepertimana sekerat malam yang sangat gelap, waktu paginya seseorang itu beriman tetapi petangnya menjadi kafir, dan di waktu petang dia beriman tetapi pagi-paginya menjadi kafir, dia menjual agamanya untuk mendapatkan keuntungan dunia”* (Riwayat Muslim).

Baginda SAW juga bersabda dalam satu hadith lain yang bermaksud *“sesungguhnya Allah telah menuliskan kebaikan dan kejahatan, kemudian Dia telah menerangkannya akan hal tersebut. Barangsiapa yang bercita-cita untuk melakukan kebaikan tetapi tidak dilakukannya, maka Allah akan menuliskan baginya satu kebaikan yang sempurna. Dan jika dia bercita-cita untuk membuat kebaikan dan melaksanakannya, maka Allah akan menuliskan baginya sepuluh sehingga 700 kali ganda kebaikan malah berlipat-lipat kali ganda. Barang siapa pula yang bercita-cita untuk melakukan kejahatan tetapi tidak beramal dengannya, maka Allah akan menuliskan baginya satu kebaikan dan jika ia bercita-cita untuk melakukan kejahatan dan dilaksanakan kejahatan itu, maka Allah SWT hanya akan menuliskan baginya satu kejahatan sahaja”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Kelebihan umat Nabi Muhammad SAW berbanding umat terdahulu adalah dari sudut ganjaran pahala dalam melakukan sesuatu amalan. Justeru itu amat banyak peluang yang disediakan oleh Allah SWT untuk direbut oleh sekalian umat Islam.

Sehubungan dengan itu, kita semua digalakkan melakukan ketaatan tanpa perlu bertangguh atau berlengah lagi. Tidak salah berlumba-lumba untuk membuat kebajikan kerana galakan itu secara jelas disebutkan oleh Allah SWT dalam al-Quran melalui firmanNya yang bermaksud *“bersegeralah dalam melakukan kebaikan”* (Surah al-Baqarah ayat 148).

Dalam al-Quran, ayat ini diulang sekali lagi iaitu pada ayat 48 surah al-Maidah. Ini menunjukkan bahawa perlaksanaan sesuatu amalan kebajikan perlu dilakukan segera tanpa perlu bertangguh-tangguh. Ayat tersebut di atas menjadi rujukan kepada ramai golongan manusia untuk melakukan sesuatu yang dinamakan ‘amal jariah’ sebagai usaha untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan.

Sewajarnya juga niat untuk mempertingkatkan amalan dan melakukan kebaikan tidak ditetapkan pada waktu-waktu tertentu sahaja. Sama seperti galakan bertaubat dan memohon keampunan Allah SWT atas kesalahan yang dilakukan tidaklah wajar ditangguhkan.

Sepotong hadis Rasulullah SAW, sewajarnya menjadi ikutan dan panduan iaitu daripada Uqbah bin al-Harith yang bermaksud *“aku bersolat asar di belakang Nabi di Madinah maka sejurus selepas salam baginda terus bangun bersegera melangkah ke bilik*

*sebahagian isteri baginda. Para sahabat terkejut dengan lajunya perjalanan baginda, kemudian baginda keluar kepada orang ramai dan apabila merasakan para sahabat yang kehairanan dengan tindak tanduk baginda yang pantas berjalan, lalu baginda bersabda : aku teringat beberapa keping emas yang ada dalam simpanan, aku bimbang ianya akan habis, maka aku perintahkan agar dibahagi-bahagikan”* (Riwayat al-Bukhari).

Hadith ini menunjukkan bahawa untuk melakukan suatu kebaikan tidak perlu dilambat-lambatkan, ia adalah untuk mengelakkan daripada terleka, terlupa atau terlepas peluang. Justeru itu, azam perlu disematkan dan perlaksanaannya mesti disegerakan tanpa perlu ditangguh-tangguhkan. Rasulullah juga pernah mengingatkan sepertimana dalam sabdanya yang bermaksud *“apabila bertemu waktu petang, janganlah menunggu ke pagi harinya (untuk beramal) dan apabila kamu bertemu waktu pagi, janganlah menunggu hingga datangnya petang (untuk beramal)”* (Riwayat al-Bukhari).

Gesaan memanfaatkan lima perkara sebelum datangnya lima perkara juga adalah seruan keramat bagi insan merebut peluang dan ruang keselesaan beramal sebelum kesusahan dan kesempitan mendatang iaitu waktu muda sebelum tua, kaya sebelum miskin, lapang sebelum sempit, hidup sebelum mati dan sihat sebelum sakit. Semoga kualiti hidup dan nikmat beramal dapat digunakan semaksima mungkin selagi hayat masih ada.

Maka sewajarnya kita tidak menjadikan pengabdian kita hanya ke tahap maksima di bulan Ramadan sahaja, tetapi iman menjadi turun semula selepas berakhirnya Ramadan, namun sebaliknya, jadikanlah Ramadan itu sebagai batu asas untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah dalam bulan selainnya, bagi merealisasikan tuntutan menjadi hamba Allah yang bertakwa.

